

11/07/1999

Putrajaya: Pas mahu lelong masjid

CYBERJAYA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyindir Pas kerana cadangannya mahu melelong bangunan kerajaan di Putrajaya jika dipilih memegang tampuk pemerintahan negara.

"Seronoklah saya, dia (Pas) nak lelong. Inilah kali pertama Pas nak lelong masjid.

"Saya berharap (Presiden Pas, Datuk) Fadzil Noor akan goncang loceng depan masjid, dan kata ini adalah masjid yang sesuai untuk (dijadikan) pusat beli-belah dan pusat peranginan. Siapa nak beli, belilah," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian pada sidang akhbar selepas berakhirnya mesyuarat ketiga Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) Koridor Raya Multimedia (MSC) di sini, petang semalam.

Sebuah akhbar tempatan kelmarin melaporkan Fadzil sebagai berkata, Pas akan melelong Putrajaya kepada raja-raja yang terkaya di seluruh dunia jika menang dalam pilihan raya umum akan datang.

Selain itu, projek kerajaan lain yang turut dianggap projek mega, akan disewakan.

Ketika diminta mengulas cadangan Pas untuk mengemukakan rang undang-undang di Parlimen bagi mengenakan hukuman mati kepada umat Islam yang murtad, Dr Mahathir berkata, parti pembangkang itu sebenarnya tidak ikhlas berbuat demikian.

"Isu murtad ini dibangkitkan oleh Pas semata-mata kerana gimik politik. Bukan ada keikhlasan sama sekali," katanya.

Berdasarkan kertas Dewan Rakyat, Timbalan Presiden Pas Abdul Hadi Awang akan membentangkan empat pindaan untuk menjadikan murtad kesalahan maut, di kawasan Wilayah Persekutuan.

Mengenai kemungkinan Singapura mengambil tindakan undang-undang terhadap Malaysia bagi mengakhiri isu Clob, Perdana Menteri berkata: "Kita tengoklah apa dia nak jadi," katanya.

(END)